

# Percubaan penyeludupan berjaya digagalkan



PENYELUDUPAN sebanyak 420 botol dan 380 tin minuman keras berjaya diberkas oleh Peronda Sungai Polis Marin dalam dua buah perahu kecil di kawasan Letak Kereta Kampung Sungai Besar (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**MUARA**, Isnin, 9 November. - Seorang lelaki dan seorang wanita tempatan ditahan oleh keanggotaan Peronda Sungai Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama barang tegahan berupa minuman keras, iaitu sebanyak 420 botol dan 380 tin pelbagai jenis.

Pada awal pagi 9 November



2020, berikutan maklumat yang diterima dari orang awam berhubung kegiatan penyeludupan, keanggotaan Peronda Sungai Polis Marin menjalankan pemantauan di kawasan Pulau Berbunut, perairan Sungai Brunei.

Pihak polis mendapati dua buah perahu kecil dan sebuah

perahu besar dalam keadaan mencurigakan yang segera mlarikan diri setelah menyedari kehadiran pihak polis.

Pihak polis menemukan semula dua buah perahu kecil berkenaan tanpa pemandu di kawasan Letak Kereta Kampung Sungai Besar, manakala sebuah lagi perahu besar tersebut tidak berjaya ditemukan.

Pada masa yang sama, pihak polis menahan sebuah kereta bersama pemandu dan penumpangnya dalam keadaan mencurigakan yang berada dekat dengan dua buah perahu berkenaan.

Semasa pemeriksaan dilakukan, pihak polis menjumpai kotak-kotak yang berisi barang tegahan, iaitu minuman keras berbagai jenis.

Suspek serta barang bukti dibawa ke Polis Marin sebelum diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED).

PPDB akan sentiasa meningkatkan kekerapan rondaan dan pemeriksaan rambang di kawasan kawalan bagi memastikan negara bebas daripada jenayah rentas sempadan.

Di samping itu, PPDB juga mengingatkan kepada masyarakat agar memainkan peranan sewajarnya sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dengan tampil atau mengongsikan membuat laporan jika mengesan aktiviti dan individu yang mencurigakan di kawasan mereka.

## Pendaftaran, pemeriksaan Perkhidmatan Berkhatan bermula 17 November

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 November. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa Perkhidmatan Berkhatan pada Musim Cuti Persekolahan Penggal Ketiga, Tahun 2020, akan bermula pada Jumaat, 27 November hingga Ahad, 27 Disember 2020.

Pendaftaran dan pemeriksaan bagi kanak-kanak yang akan berkhatan, bermula 17 hingga 26 November 2020 dan dibukakan pada waktu hari bekerja sahaja.

Tempat pendaftaran dan Perkhidmatan Berkhatan akan dijalankan di Wad 1, Aras Bawah, Blok 1, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Sehubungan itu, ibu bapa atau

penjaga hendaklah membawa bersama anak mereka berserta kad Bru-HIMS semasa membuat pendaftaran bagi pemeriksaan kesihatan.

Hanya seorang penjaga sahaja yang dapat menemani anak yang berkhatan.

Penjaga dan anak yang berkhatan perlu mengimbas Kod QR BruHealth yang disediakan dan perlu memakai sungup muka (*face mask*).

Orang ramai juga bolehlah menghubungi Pegawai-pegawai Pengkhataan yang bertugas, di Unit Berkhatan, Hospital RIPAS menerusi talian +673 2242424 atau +673 2232111 sambungan 6590 atau 6591 (waktu pejabat), mulai 16 November 2020.

### PERKHIDMATAN BERKHATAN

MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN PENGAL KETIGA TAHUN 2020

TARIKH PENDAFTARAN

17hb November hingga 26hb November

SEMASA PENDAFTARAN, IBU/BAPA/PENJAGA DIKEHENDAKI;

& Membawa anak yang akan berkhatan  
Kad Bru-HIMS  
Sijil Kelahiran Anak  
Mengimbas Kod QR BruHealth  
Memakai sungup muka (*face mask*)

### PERKHIDMATAN BERKHATAN

27hb November hingga 27hb Disember

bertempat di Wad 1  
Aras bawah Blok 1

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

Untuk sebarang pertanyaan : 2242424 / 2232111 sambungan 6590 / 6591

# Kejayaan memerlukan usaha berterusan

Berita dan Foto :

Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Haniza Abdul Latif

**BERAKAS**, Isnin, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada Majlis Hafl Al-Takhruj Ke-10 UNISSA, hari ini, berkenan mengurniakan titah, antara lain menekankan, bahawa segulung ijazah bukanlah penamat dari terus menimba ilmu, sebagaimana Islam melihat bahawa menuntut ilmu itu adalah kerja sepanjang hayat.

Dalam setiap kejayaan yang diraih setentunya banyak rintangan dan dugaan yang harus diatasi bak kata pepatah 'Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian'.

Begitulah juga halnya bagi para graduan UNISSA yang berjaya menempuh cabaran dan rintangan sepanjang bergelar mahasiswa UNISSA hingga berhasil mendapatkan segulungan ijazah mereka pada hari ini berkata kecikal juga semangat di dalam mencapai impian mereka.

Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa graduan untuk menceritakan dan berkongsi sedikit tip-tip kejayaan mereka, Dayang Siti Nurul Kamaliah binti Haji Abdulla @ Rabiatul

'Adawiyah menyatakan, kejayaan dalam hidup memerlukan usaha yang berterusan, keyakinan terhadap diri sendiri juga perlu ada walaupun ia suatu perkara yang paling sulit untuk dilakukan.

Banyak liku juga dugaan yang beliau alami untuk menyelesaikan tanggungjawab sebagai seorang mahasiswa, antaranya apabila bertukarnya *musyrif* (*supervisor*) dalam tahun kedua, iaitu tahun yang ditetapkan untuk menulis bahas / tesis yang perlu dirombak juga menukar kembali sedikit sebanyak isi kandungan dan metodologi dalam bahasnya.

"Namun atas dorongan daripada ibu bapa, suami dan kawan-kawan seperjuangan juga pensyarah di dalam mahupun luar negara turut memainkan peranan dan impak yang besar dalam menolong saya menyelesaikan perjalanan saya sebagai seorang mahasiswa Hadis."

"Apa yang penting adalah jangan sesekali takut untuk gagal dan putus asa dalam setiap apa yang kita lakukan," tegasnya yang menerima Sarjana Usuluddin (Kertas Kerja dan Disertasi) - Hadis, Dayang Siti Nurul Kamaliah binti Haji Abdullah @ Rabiatul 'Adawiyah.

Saranan beliau kepada para mahasiswa yang masih lagi melanjutkan pengajian ialah untuk menetapkan jadual tarikh-tarikh menghantar bagi setiap tugas yang diberikan, berkawanlah dengan kawan yang sentiasa ingin



SARJANA Usuluddin (Kertas Kerja dan Disertasi) - Hadis, Dayang Siti Nurul Kamaliah binti Haji Abdullah @ Rabiatul 'Adawiyah.

dan membantu kita untuk sama-sama berjaya, sentiasa berwaspada dan berfikiran positif juga sahutlah cabaran 'kalau mereka boleh, kenapa saya tidak?' dan jangan lupa hendaklah sentiasa bertawakal kepada Allah.

Beliau, seterusnya melahirkan rasa kesyukuran dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pemberian biasiswa ini, sekali gus memberikan beliau peluang untuk menyambung pengajian dan berharap suatu hari nanti akan mempunyai kekuatan untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Sementara Awang Muhammad Hafiz bin Haji Hamzulani



SARJANA Muda Usuluddin dalam Aqidah dan Da'wah, Awang Muhammad Shariffudin bin Haji Sabtu.

yang menerima Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Syariah berkongsi tip-tip dalam menempuh alam universiti, antaranya motivasi dan dorongan daripada ibu bapa, termasuk keluarga.

Dengan adanya ijazah ini, beliau berharap agar dapat menyumbang kembali kepada negara, terutama sekali Kerajaan Kebawah DYMM yang memberikan biasiswa kepada kami semua dan dengan itu, adalah wajar bagi kita untuk menyumbang bakti kepada negara.

Perancangannya ialah untuk melengkapkan diri dengan penambahbaikan kemahiran (*upskilling*) agar dapat mengadaptasikannya ke alam pekerjaan dan pada masa yang sama, untuk mencebur dengan secara terbuka. Ini



SARJANA Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Syariah, Awang Muhammad Hafiz bin Haji Hamzulani.

kerana ijazah adalah kunci kepada peluang alam pekerjaan.

Sementara bagi Awang Muhammad Shariffudin bin Haji Sabtu pula, beliau melahirkan rasa kesyukuran dan mengucapkan jutaan terima kasih atas kejayaan yang datangnya juga daripada dorongan dan sokongan keluarga, para pensyarah, teman seperjuangan dengan pengorbanan yang dicurahkan.

Beliau, yang memperoleh Sarjana Muda Usuluddin (Bachelor of Usuluddin) dalam Aqidah dan Da'wah kini juga sedang merancang untuk mengatur perancangan pada masa akan datang selepas ini, demi mencorak ke arah yang lebih cemerlang dan kejayaan yang berguna untuk semua, terutama demi untuk raja, agama juga negara dan anak bangsa.